

24/04/1999

Dr Mahathir dijangka rasmi simposium

SHAH ALAM, Jumaat - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed akan merasmikan pembukaan Simposium dan Pameran Telekomunikasi dan Wayarles Antarabangsa 1999 bulan depan.

Simposium itu yang dijadualkan berlangsung pada 17 hingga 21 Mei ini, akan diadakan di Pusat Konvensyen dan Rekreasi Institut Teknologi Mara (ITM) Shah Alam.

Simposium anjuran bersama Fakulti Kejuruteraan Elektrik, ITM dan Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia itu akan mempersembahkan empat acara utama iaitu dua persidangan mini, persidangan teknikal, pameran dan pra-simposium.

Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie, berkata sebanyak 150 kertas kerja teknikal akan dibentangkan pada simposium lima hari itu.

"Sebanyak 30 peratus daripada kertas kerja itu adalah dari Malaysia, manakala selebihnya akan dibentangkan oleh wakil dari Amerika Syarikat, Australia, China, England, Finland, Perancis, India, Indonesia, Iran, Itali, Korea Selatan, Poland, Russia, Singapura, Taiwan, Thailand and Turki.

"IWTS '99 menyediakan peluang kepada penyelidik dari 19 negara peserta bertukar maklumat mengenai penemuan yang berjaya dihasilkan dalam bidang telekomunikasi," katanya pada pelancaran IWTS '99 di sini, hari ini.

IWTS '99 sudah mendapat pengiktirafan persatuan kejuruteraan elektrik antarabangsa iaitu Institut Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Amerika Syarikat, Institut Kejuruteraan Elektrik, England dan Australia, Pertubuhan Antarabangsa Bagi Sains Radio dan Institut Kejuruteraan Malaysia.

Simposium itu dijangka dihadiri pemain utama telekomunikasi dan teknologi maklumat (IT), beberapa syarikat multinasional pembekal telekomunikasi tempatan yang akan mempamerkan barangan IT dan telekomunikasi terkini.

(END)